

Bil. S 16

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah di bawah bab 83)**

**PERINTAH DARURAT (PEMBUBARAN PERKAHWINAN), 1992**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

- |  |   |
|--|---|
| Gelaran.   | 1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Pembubaran Perkahwinan), 1992.  |
| Bidang kuasa<br>Mahkamah-<br>Mahkamah<br>Tinggi.               | 2. Mahkamah Tinggi hendaklah tanpa menghiraukan peruntukan-peruntukan dari mana-mana undang-undang lain, tetapi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, mempunyai kuasa-kuasa yang sama sebagaimana yang terletakhak dalam Family Division dari Mahkamah Tinggi di England pada 1 haribulan Januari, 1992, berhubung dengan perkara-perkara yang ditentukan dalam bab 3 dari Perintah ini.   |
| Perkara-<br>perkara yang<br>termasuk<br>dalam bidang<br>kuasa. | 3. Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa yang dinyatakan dalam bab 2 dari Perintah ini berhubung dengan perkara-perkara yang berikut — <ul style="list-style-type: none"><li>(a) Perceraian dan pembatalan perkahwinan ;</li><li>(b) Perpisahan melalui Mahkamah ;</li><li>(c) Penetapan dan anggapan kematian ;</li><li>(d) Pelepasan harta dan kewangan ;</li><li>(e) Jagaan bagi anak-anak ;</li><li>(f) Semua perkara lain sebagaimana yang menjadi sampingan atau tambahan kepada mana-mana bidang kuasa yang diberikan oleh bab ini dari Perintah ini.</li></ul> |
| Pemakaian<br>Perintah ini.                                     | 4. Perintah ini hendaklah hanya dipakai kepada perkahwinan-perkahwinan yang mana adalah — <ul style="list-style-type: none"><li>(a) bersifat monogami ;</li><li>(b) dirayakan sama ada dalam sebuah gereja atau dalam sebuah pejabat perkahwinan sivil, bagaimanapun yang dinyatakan ;</li><li>(c) di antara pihak-pihak, tidak seorang pun dari mereka, pada tarikh petisyen tersebut, yang berugama Islam.</li></ul>  |
| Hubungan<br>atau<br>mastautin.                                 | 5. Mahkamah Tinggi hendaklah mempunyai bidang kuasa di bawah Perintah ini jika, pada tarikh petisyen tersebut, salah satu pihak kepada perkahwinan tersebut —   |

- (a) mempunyai hubungan yang kuat dengan Negara Brunei Darussalam ; atau
  - (b) dengan biasanya telah tinggal dalam Negara Brunei Darussalam sekurang-kurangnya selama dua belas bulan sebaik sahaja sebelum tarikh petisyen tersebut.
6. Untuk mengelakkan keraguan, peruntukan-peruntukan dari bab 2 dari Akta Pemakaian Undang-Undang, setakat mana yang diperuntukannya bahawa statut-statut dari pemakaian am yang berkuatkuasa di England pada 25 haribulan April, 1951 hendaklah berjalan kuatkuasanya di Negara Brunei Darussalam, tidak boleh dipakai untuk menyekat bidang kuasa yang diberikan oleh Perintah ini.

Pemakaian  
Penggal 2.

Diperbuat pada 29 haribulan April, 1992 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM